

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

PDP 480 - Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan

Masa : (3 jam)

Jawab EMPAT soalan sahaja.

-
1. a) Bincangkan status mata pelajaran "Perdagangan" dan "Perakaunan" dalam sistem pendidikan negara dewasa ini. Sorotan keadaan silam boleh digunakan dalam perbincangan anda.
b) Bincangkan penerapan nilai-nilai murni yang boleh dilaksanakan semasa pengajaran tajuk-tajuk tertentu dalam bidang perdagangan dan keusahawanan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu agar ianya berjaya mewujudkan insan yang seimbang bersetujuan dengan Falsafah Pendidikan Negara.
- (25 markah)
2. Sifat-sifat serta ciri-ciri usahawan yang berjaya perlu sentiasa diterapkan dalam pengajaran dan pemelajaran Perdagangan dan Perakaunan. Dengan mengemukakan contoh-contoh, bincangkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan di bilik-bilik darjah agar nilai usahawan yang berjaya dapat diterapkan kepada pelajar-pelajar Perdagangan dan Perakaunan.
- (25 markah)
3. Beberapa kajian telah dibuat mengenai kreteria-kreteria guru perdagangan dan perakaunan yang baik. Bincangkan kreteria-kreteria yang sepatutnya ada pada seseorang guru perdagangan dan perakaunan agar ianya menjadi seorang guru yang baik dan berkesan.
- (25 markah)

...2/-

- 2 -

4. a) Bincangkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pemelajaran untuk mengeposkan catatan-catatan jurnal am kepada lejar. Kemukakan contoh-contoh untuk memudahkan perbincangan anda.
- b) Pelbagai kreteria perlu diambilkira semasa melaksanakan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pemelajaran agar ianya sesuai dengan kehendak KBSM. Bincangkan.

(25 markah)

5. a) Didapati sebilangan besar murid-murid perdagangan tidak suka menyoal ataupun menjawab soalan. Mengapakah keadaan seperti ini wujud? Cadangkan langkah-langkah wajar yang perlu diambil untuk mengatasi perkara ini.
- b) Berdasarkan tajuk-tajuk tertentu dalam mata pelajaran perdagangan nyatakan teknik-teknik menyoal yang sesuai dilaksanakan.

(25 markah)

- oooOooo -